

UMP tuan rumah Mesyuarat Jawatankuasa Pendaftar Universiti Awam



Pekan, 25 Mei- Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menjadi tuan rumah Mesyuarat Jawatankuasa Pendaftar Universiti Awam (UA) Bil 2/2017 bertempat di UMP Pekan baru-baru ini. Mesyuarat dihadiri seramai 17 Pendaftar UA antaranya seperti dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) , Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan beberapa universiti awam lain.

Hadir mempengerusikan mesyuarat ialah Pendaftar Universiti Putra Malaysia (UPM), Dato' Wan Azman Wan Omar. Menurut Pendaftar UMP, Abd Hamid Majid, beliau amat teruja menerima kehadiran semua pendaftar UA bersempena Mesyuarat pada kali ini di UMP Pekan yang diadakan di Bilik Mesyuarat Perpustakaan UMP.



"Seperti biasa sebagai simbolik kehadiran tetamu ke UMP Pekan, kita telah mengadakan aktiviti penanaman pokok-pokok di sekitar kampus UMP Pekan yang ditanam oleh pendaftar-pendaftar yang hadir pada program tersebut sebagai tanda kenang-kenangan," katanya. Selain itu katanya, program penanaman pokok ini merupakan usaha bagi mengekalkan kehijauan serta keindahan sekitar kampus. Pada kali ini sebanyak 17 batang pokok telah ditanam antaranya ialah pokok Bungor, Tamalan, Blackwood Tree dan Pancut-pancut.



Bersempena dengan mesyuarat ini juga, turut berlangsung acara jamuan makan malam yang diadakan di Ancasa Royale Hotel, Pekan. Majlis turut meraikan Pendaftar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Haji Abu Bakar Ibrahim yang akan tamat kontrak perkhidmatan beliau pada Julai ini.

Disediakan Bahagian Komunikasi Korporat PNC

Posted By : NUR LAILA BINTI AFANDI Date Posted : 31-05-2017, 16:41:47